

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

UMK.PC/B03.00/100-6/4 JLD 2 (1)

23 JULAI 2015

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2015

Semua Dekan/Ketua PTj

**PEMATUHAN KEPADA PENGELUARAN PESANAN TEMPATAN SELARAS DENGAN
ARAHAN PERBENDAHARAAN 176.1**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini ialah untuk memaklumkan kepada PTj berkaitan pematuhan kepada pengeluaran Pesanan Tempatan (LO) selaras dengan Arahan Perbendaharaan 176.1 sebagaimana yang dinyatakan seperti berikut:
 - 176.1 (a) Sebelum sesuatu tender atau sebut harga disetuju terima, Pegawai Pengawal hendaklah berpuas hati bahawa syarat-syarat perolehan itu telah diputuskan dan dinyatakan dengan jelas. Perhatian khusus hendaklah diberikan kepada maklumat penuh mengenai perolehan, harga seunit yang dipersetujui, kuantiti yang dikehendaki, tarikh, masa dan tempat serahan, belanja serahan, perkhidmatan lepas jualan, kemudahan mendapatkan alat ganti dan lain-lain yang berkenaan. Selepas setuju terima oleh pihak berkuasa yang berkenaan, satu kontrak formal hendaklah disempurnakan oleh Pegawai Pengawal.
 - (b) Sekiranya nilai perolehan tidak melebihi RM50,000 di mana satu kontrak formal tidak sesuai dibuat adalah memadai bagi Kementerian/Jabatan menggunakan borang untuk pesanan Kerajaan sahaja dengan memastikan kepentingan Kerajaan terjamin/terpelihara.
- 1.2 Arahan tersebut antaranya menetapkan bahawa Pesanan Tempatan (LO) perlu dikeluarkan terlebih dahulu sebelum sesuatu bekalan atau perkhidmatan diperoleh daripada pembekal.
- 1.3 Pesanan Tempatan (LO) merupakan langkah kawalan dalaman bertujuan untuk memantau pengurusan kewangan Universiti agar obligasi dapat berperanan sebagai jaminan kepada pembekal bahawa Universiti komited terhadap pesanan yang dibuat.
- 1.4 Walau bagaimanapun, pihak Pejabat Bendahari mendapati semakin banyak Pusat Tanggungjawab menguruskan perolehan bekalan atau perkhidmatan tanpa mengikut peraturan perolehan yang berkuatkuasa di mana perolehan tersebut dibuat tanpa pengeluaran Pesanan Tempatan (LO) terlebih dahulu.

- 1.5 Pengurusan Universiti memandang serius di atas kegagalan pematuhan Arahan Perbendaharaan 176.1 ini seterusnya memohon setiap Ketua Pusat Tanggungjawab memastikan arahan ini dipatuhi dengan mengemukakan dokumen lengkap kepada Bahagian Perolehan, Pejabat Bendahari untuk tujuan pengeluaran Pesanan Tempatan (LO) **sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum** sesuatu permohonan bekalan atau perkhidmatan tersebut dilaksanakan.
- 1.6 Turut diingatkan bahawa, pihak **Pejabat Bendahari adalah berhak untuk tidak membuat bayaran ke atas perolehan yang tidak mematuhi peraturan ini** dan pihak Pusat Tanggungjawab hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbelanjaan berkenaan. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan peringatan ini dapat membantu semua Pusat Tanggungjawab melaksanakan perolehan masing-masing selaras peraturan yang telah ditetapkan.
- 1.7 Semoga perkara ini dapat dipanjangkan kepada semua pegawai yang terlibat di bawah seliaan YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan.

2. PEKELILING – PEKELILING YANG BERKAITAN

- 2.1 Pematuhan kepada pengeluaran Pesanan Tempatan (LO) ini adalah berpandukan kepada Pekeliling – Pekeliling/Arahan Perbendaharaan berikut :
 - (a) Pekeliling Perbendaharaan – PK 2/2013
 - (b) Arahan Perbendaharaan 176.1

3. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Ogos 2015**.

"SYARIAT DIPATUHI, RAJA DIHORMATI, RAKYAT DILINDUNGI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



MOHD YUSRI BIN AWANG

Bendahari

- s.k
- YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)